

Malaysia beri amaran kepada Australia

UM 26 OCT 2003

KUALA LUMPUR 25 Okt. — Malaysia memberi amaran kepada Australia untuk tidak mencampuri urusan negara ini dengan memainkan peranan sebagai 'sherif' bagi mempertahankan keselamatan di rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan melayan pihak luar yang mahu memainkan 'peranan dan tanggungjawab' di sini sebagai pegganas dan akan dimasukkan ke dalam tahanan.

"Itulah dia (Amerika Syarikat) tepuk kepala (Australia), budak baik, buat kerja dia," katanya menyindir perisytiharan Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush bahawa Australia mempunyai 'tanggungjawab khas' mempertahankan keselamatan di rantau Asia Tenggara.

Tegas Dr. Mahathir, "Tetapi kalau cuba menjadi 'sherif', kita layan orang semacam ini sebagai pegganas dan akan tangkap dan masuk dalam tahanan kalau dia cuba datang ke Malaysia."

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dekat sini sekembalinya dari lawatan ke Indonesia, Timor Leste dan Papua New Guinea.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai perisytiharan Bush yang dikeluarkan ketika Presiden AS itu berucap kepada ahli-ahli Parlimen Australia kelmarin.

Perisytiharan mengenai 'tanggungjawab khas' itu dikeluarkan selepas Bush menyifatkan Canberra sebagai 'sherif' di rantau Asia Tenggara dan merupakan peneraju utama perang ke atas keganasan di rantau ini selepas serangan pegganas pada 11 September 2001 di New York dan Washington.

Menurut Dr. Mahathir, beliau tidak mengetahui pendirian negara-negara ASEAN lain berhubung isu itu.

Namun, katanya, Australia tetap tidak mempunyai peranan di sini walaupun mereka menganggotai Peraturan Pertahanan Lima Kuasa (FPDA) bersama Malaysia dan tiga negara lain.

Bagaimanapun Malaysia masih membenarkan negara berkenaan menjalani latihan bersama dalam FPDA di sini, katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mengetahui dengan jelas dakwaan AS yang mengaitkan Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (IIIT) yang diasaskan bekas timbalan perdana menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan kegiatan pegganas dan Al-Qaeda.

"Kadang-kadang ada hubungan dengan mana-mana pertubuhan yang difikirkan itu betul tetapi mereka mungkin melakukan sesuatu yang kita tidak tahu.

"Saya tidak tahu sama ada Datuk Seri Anwar tahu atau tidak mengenai kegiatan lain tetapi terpulang kepada Amerika Syarikat untuk membuktikan bahawa IIIT terbabit dengan keganasan," ujar Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan menyedari terdapat rakyat negara ini yang terbabit dengan Al-Qaeda dan tindakan terhadap mereka telah pun diambil.

Dr. Mahathir memberitahu ketika di luar negara juga, beliau ditanya wartawan New Zealand mengenai demokrasi di Malaysia yang mahu mengaitkannya dengan Anwar.

"Saya menjelaskan bahawa saya tidak mempunyai kuasa untuk membebaskan orang dalam tahanan, mungkin di negaranya Perdana Menteri boleh membebaskan tahanan sempena hari jadi mahupun hari ulang tahun negara berkenaan," jelasnya.

Mengenai Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bangkok yang dihidirinya sebelum melawat Indonesia, Timor Leste dan Papua New Guinea, Dr. Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan keseluruhan perjalanan APEC yang berjaya dianjurkan Thailand.